

# **MAJLIS PECAH TANAH BANGUNAN AKADEMIK BAHARU KUIS**

**Bernamea News | Siaran Akhbar | 09/10/2017 | Author: HAIZATULZETY JAAFAR | KUIS - BAHARU**

**BANDAR SERI PUTRA, 9 Okt (Bernama) --** Majlis Pecah Tanah Bangunan Akademik Baharu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah KUIS. Turut hadir Y.A.D Dato Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato Bakhtiar bin Hussin Setiausaha MAIS, Y.B Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad Exco Pendidikan Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi & Inovatif dan Y.B Dato Ahmad Yunus bin Hairi yang juga Exco Kerajaan Negeri Selangor merangkap Ahli Lembaga Pengarah KUIS.

Pembinaan bangunan akademik baharu 3 tingkat ini bakal menempatkan seramai 4,254 orang pelajar pada satu masa dengan kemudahan bilik tutorial, bilik seminar, bilik pensyarah dan ketua program, makmal komputer dan dewan kuliah yang boleh memuatkan 200-500 orang pelajar. Dengan pembinaan bangunan akademik baharu ini akan mengurangkan masalah kekurangan bilik-bilik kuliah dan tutorial. Kesan daripada pertambahan jumlah pelajar KUIS yang meningkat setiap tahun memerlukan suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif bagi keselesaan pelajar.

Perpustakaan Imam Al-Syafi'i juga akan dinaiktaraf sebagai sebuah gedung ilmu dengan sumber rujukan yang sentiasa dikemaskini agar setaraf dengan universiti lain beserta dengan ruang bacaan yang lebih selesa, bilik-bilik kajian, bilik-bilik carel yang dilengkapi dengan kemudahan wifi. Sebelum ini perpustakaan ini hanya boleh menempatkan 400 orang sahaja dan apabila siap nanti ianya mampu menempatkan seramai 2,500 orang.

Projek yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor ini menelan belanja sebanyak RM27,247,618.00 menggunakan pinjaman mudah (softloan) daripada Kerajaan Negeri Selangor dimana projek ini telah bermula pada 07.09.2017 dan dijangka siap pada 04.09.2019.

Pembinaan bangunan akademik baharu dan penaiktarafan perpustakaan Imam Al-Syafi'i ini merupakan salah satu projek yang telah lama dirancang untuk memenuhi keperluan prasarana KUIS dalam usaha memastikan infrastruktur dan kemudahan di KUIS sentiasa dititikberatkan supaya persekitaran yang kondusif adalah menjadi keutamaan KUIS sebagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam yang tersohor di Negeri Selangor.

**DIKELUARKAN OLEH:**

**BAHAGIAN PEMASARAN DAN KOMUNIKASI**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

**TARIKH: 09 OKTOBER 2017**

**Sumber: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI :**

**Nama : Mudzilah Aishah Pawanteh**

**Ketua Seksyen Pentadbiran Dan Komunikasi**

**Bahagian Pemasaran & Komunikasi**

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)**

**Tel : 03 - 8911 7000 ext 3507**

**Faks : 03 - 8926 8462**

**--BERNAMA**